

# Komponen Penting dalam Model Ekonomi Islam



**CADANGAN** yang dibuat oleh Profesor Adjung Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Tan Sri Dr. Kamal Mat Salih, hasil pertemuan dengan Majlis Penasihat Kerajaan (MPK) pada 4 Julai 2018, sangat mengujakan. Beliau mencadangkan model ekonomi Islam harus dipertimbangkan bagi merangka dan melaksanakan dasar pembangunan negara.

Cadangan beliau diungkapkan dengan beberapa alasan. Pertama, negara harus mengadaptasi dasar yang sesuai dengan mengambil kira keadaan semasa. Kedua, model ekonomi Islam dilihat mampu menggantikan dasar ekonomi yang sedia ada kerana model ekonomi ini bersifat terbuka, berintegrasi dan universal kepada semua kaum. Ketiga, faktor pelaku ekonomi Islam yang terdiri daripada penduduk Muslim yang merangkumi 70 peratus daripada penduduk Malaysia.

Agen dalam model ekonomi Islam telah sedia wujud, yakni umat Islam, negara dan organisasi. Umat Islam yang merangkumi 70 peratus daripada penduduk negara sudah tentu ingin beramal dengan menggunakan prinsip dan amalan ekonomi Islam. Sebagai contoh, mereka bekerja dan mendapat upah wang dan menyimpan wang tersebut di institusi kewangan Islam. Apabila meninggal dunia, mereka mewariskan simpanan tersebut mengikut sistem faraid. Sebelum meninggal dunia, mereka menggunakan simpanan tersebut untuk bersedekah wajib (membayar zakat) dan bersedekah sunat (seperti hibah dan wakaf).

Sehubungan dengan hal itu, organisasi yang dianggap sebagai agen pelaksanaan model ekonomi Islam juga sudah sedia wujud, seperti institusi kewangan Islam, baitulmal, ar-rahnu, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan syarikat patuh syariah. Institusi

ini menawarkan produk dan perkhimatan yang bukan sahaja patuh syariah, tetapi matlamat mereka juga mencapai objektif syariah atau *maqasid syariah*. Sebagai contoh, syarikat yang patuh syariah tidak mengeluarkan arak supaya akal manusia terpelihara.

Kerajaan Malaysia pula memperuntukkan undang-undang dan peraturan supaya para pelaku ekonomi mengikut peraturan yang tidak memberikan mudarat kepada pelaku ekonomi yang lain. Undang-undang dan peraturan ini menjadi sebahagian daripada infrastruktur model ekonomi Islam yang dapat ditambah baik dari semasa ke semasa.

Contoh undang-undang yang berkaitan ialah Perlembagaan Persekutuan, Enakmen Agama Islam, Akta Bank Pusat 1958 (definisi sistem kewangan termasuk institusi kewangan Islam) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Peraturan yang sudah pernah dilaksanakan, termasuklah standard SIRIM tentang sistem pengurusan kualiti berdasarkan syariah; garis panduan Bank Negara Malaysia yang berkaitan dengan kontrak urus niaga seperti murabahah, mudarabah dan ijarah serta standard halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Huraian makalah ini hanya menyentuh serta membincangkan salah satu agen tersebut, iaitu negara. Negara yang dimaksudkan di sini ialah pelbagai tingkat pemerintah, yakni kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan majlis tempatan.

Perkara VIII (Bahagian Kewangan), Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa kewangan negara mengikut tingkat kerajaan. Seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 97(1) Perlembagaan Persekutuan, kerajaan persekutuan boleh mendapatkan hasil dalam bentuk cukai dan bukan cukai. Contoh hasil cukai ialah cukai pendapatan dan cukai korporat. Contoh hasil bukan cukai pula ialah duti setem, duti eksport dan royalti minyak, dan dividen syarikat berkaitan kerajaan. Hasil ini digabungkan dalam Kumpulan Wang yang Disatukan.

Sementara itu, kerajaan negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan membolehkan kerajaan negeri mengutip hasil daripada sumber zakat, fitrah, baitulmal, atau hasil agama Islam. Hasil ini disatukan dalam kumpulan wang yang lain daripada Kumpulan Wang yang Disatukan. Hasil di sini dikenali sebagai hasil agama Islam.

Perkara VIII secara jelas menunjukkan terdapat dua aliran pemikiran. Pemikiran pertama, berdasarkan pandangan ahli ekonomi Britain, John Maynard Keynes, iaitu mewujudkan Kumpulan Wang yang Disatukan. Pandangan ini juga memberikan ruang kepada negara untuk berhutang berdasarkan [Perkara 98(1), Perlembagaan Persekutuan] untuk membiayai defisit perbelanjaan. Hutang ini dikenakan kadar bunga. Pemikiran kedua pula berdasarkan pandangan ahli ekonomi Islam, Abu Ubayd, yakni senarai hasil yang terdapat dalam hasil agama Islam.

Hasil agama Islam ini merupakan sebahagian daripada model ekonomi Islam. Bagaimanakah untuk mengaitkan model ekonomi Islam ini dengan agenda negara atau mengarusperdanakannya supaya menjadi sebahagian dasar negara?

Hasil agama Islam dapat menjadi agenda negara kerana sudah ada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang membolehkan pelaksanaan model ekonomi Islam. Namun demikian, pelaksanaannya masih menimbulkan beberapa penjenjolan lanjut. Pertama, senarai hasil tersebut termasuklah baitulmal. Umum mengetahui bahawa perkataan baitulmal diterbitkan daripada gabungan dua perkataan - *baitul* (rumah) dan *mal* (harta). Hal ini bermaksud bahawa baitulmal ialah institusi yang mengumpul hasil negara. Nama institusi pun dianggap sebagai hasil agama Islam!

Kedua, peruntukan tersebut memberikan ruang kepada pelaksanaan dasar "penyahpusatan" hasil dan agihan negara. Sebahagian ahli ekonomi Islam bersetuju dengan dasar tersebut kerana impaknya yang lebih cekap dan berkesan, maka dasar ini harus diteruskan. Sebagai contoh, amil yang menjalankan tugas sebagai pemungut dan pengagih zakat boleh dilantik dalam kalangan ahli masyarakat setempat. Amil dalam kalangan mereka lebih mengetahui individu yang layak dikelaskan sebagai asnaf. Sebagai kesannya, kumpulan sasaran asnaf dapat dikenal pasti dengan baiknyanya dan agihan dapat dilakukan dengan cekapnya.



Profesor Adjung  
Tan Sri Dr. Kamal  
Mat Salih

**Umum  
mengetahui bahawa  
perkataan baitulmal  
diterbitkan daripada  
gabungan dua perkataan  
- *baitul* (rumah) dan  
*mal* (harta).**



Sejumlah 70 peratus Muslim daripada populasi penduduk Malaysia menjadi elemen yang penting bagi mewujudkan model ekonomi Islam.

Seterusnya aspek pembangunan, khususnya meningkatkan penyediaan barangan dan perkhidmatan serta pembangunan manusia, seperti akidah, keilmuan, dan biasiswa yang ditingkat oleh pemerintah mengikut peringkat mukim dan kampung dapat dilaksanakan dengan baiknya. Impak model ekonomi Islam ini dapat dikembangkan melalui beberapa langkah.

Pertama, ketidaktepatan senarai hasil agama Islam yang ditafsirkan dalam perlembagaan negara dan enakmen Majlis Agama Islam. Maka aspek penyenaraian dan peluasan jenis hasil tersebut amat dituntut.

Ahli ekonomi Islam klasik menyenaraikan beberapa hasil seperti zakat, sedekah, wakaf, cukai kepala (*al-jizya*), cukai tanah (*kharaaj*), harta tercicir (*luqatah* seperti simpanan tidak aktif) dan harta cururan. Jenis hasil tersebut juga dapat diperluas, contohnya zakat pendapatan, zakat atas produk kewangan, wakaf tunai, harta sitaan dan denda lewat bayaran cicilan.

Dalam hal ini, sedekah yang mempunyai pelbagai tujuan juga harus diperluas seperti bagi membina masjid dan perbelanjaan persekolahan yang tidak termasuk dalam senarai tersebut. Mereka yang mengutip sedekah di tepi jalan juga harus termasuk dalam pelaku ekonomi dalam model ekonomi Islam. Kegunaan sedekah tersebut perlu dilaporkan kepada kerajaan negeri, manakala statistiknya harus diaudit dan dizahirkan.

Kedua, perbelanjaan negara setiap tahun dibentangkan dalam sidang parlimen, namun

perancangan, unjuran, dan agihan hasil agama Islam tidak dibentangkan dalam sidang dewan negeri. Statistik kutipan dan agihannya juga tidak terkumpul dengan baiknya. Hal ini menyukarkan dasar yang berkaitan dengan hasil agama Islam untuk dirangka dan diamati impaknya.

Ketiga, institusi pengawas tunggal, seperti Jawhar, harus melaksanakan fungsi menyelia dan memantau bukan sahaja zakat, wakaf, haji dan umrah, tetapi hasil agama Islam yang lain. Sementara itu, tugas juruaudit negara seperti yang diperuntukan dalam perkara 107(3) yang meminta kerajaan negeri membentangkan laporan juruaudit terhadap hasil agama Islam sebelum dipersebarkan kepada sultan harus diberikan kepada institusi pengawas tunggal. Perkara ini memudahkan mereka untuk melaksanakan tugas atau fungsi dengan lebih berfokus.

Keempat, memenuhi matlamat kelestarian pembangunan (*Sustainable Development Goals* - SDGs) yang diperkenalkan oleh United Nation Development Programme (UNDP). Pada setiap tahun, negara harus melaporkan papan pemuka kepada UNDP berkenaan dengan hasil pencapaian untuk setiap matlamat yang berjumlah sebanyak 17 serta kayu ukur sebanyak 169.

Antara matlamat tersebut termasuklah kemiskinan sifar dan meningkatkan kualiti pendidikan. Matlamat ini dapat dicapai melalui pelaksanaan hasil agama Islam. Sebagai contoh, penerima zakat terdiri daripada individu miskin dan penerima zakat juga pada jalan Allah Taala (*fi sabilillah*) yang merangkumi penambahbaikan kualiti pendidikan. Hasil agama Islam amat relevan dalam konteks pembangunan negara dan seterusnya mencapai matlamat SDGs.

Oleh sebab impak yang besar daripada hasil agama Islam, maka tadbir urus hasil agama Islam harus telus dan diperkukuh. Dalam hal zakat, tadbir urus amil umpamanya harus diadakan juga, manakala untuk wakaf, kejelasan fungsi dan peranan - pemegang amanah (*mutawalli*) dan pengurus (*nazir*), perlu juga diperkemas dan diperkukuh.

Selain itu, mereka perlu juga untuk mengurus kehadiran nazir yang banyak seperti Yayasan Wakaf Malaysia dan beberapa buah universiti, dan *mutawalli* yang tunggal, iaitu Majlis Agama Islam. Institusi ini mengamalkan pelbagai tadbir urus, maka prinsip dan amalan tadbir urus yang terbaik harus dilaksanakan. •